



6 Februari 2013  
6 February 2013  
P.U. (A) 37

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN  
(PENENTUAN HARGA MAKSIMUM) (NO. 2) 2013

*PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING  
(DETERMINATION OF MAXIMUM PRICE) (NO. 2)  
ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2011

PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN (PENENTUAN HARGA  
MAKSIMUM) (NO. 2) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [*Akta 723*], Pengawal, dengan kelulusan Menteri, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No. 2) 2013**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 6 Februari 2013.

**Harga maksimum borong**

2. Harga maksimum borong bagi barang-barang harga terkawal yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual I, II dan III ditetapkan bagi Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2)(i) Jadual I, bagi Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual II dan bagi Negeri Sarawak sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual III.

**Harga maksimum runcit**

3. Harga maksimum runcit bagi barang-barang harga terkawal yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual I, IV dan V adalah ditetapkan bagi Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2)(ii) Jadual I, bagi Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual IV dan bagi Negeri Sarawak sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual V.

**Pembatalan**

4. Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No. 2) 2012 [*P.U. (A) 323/2012*] yang disiarkan pada 1 Oktober 2012 dibatalkan.

PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING ACT 2012

PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING (DETERMINATION OF MAXIMUM PRICE)  
(NO. 2) ORDER 2013

IN exercise of the powers conferred by section 4 of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 [Act 723], the Controller, with the approval of the Minister, makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Price Control and Anti-Profiteering (Determination of Maximum Price) (No. 2) Order 2013**.

(2) This Order comes into operation on 6 February 2013.

**Maximum wholesale price**

2. The maximum wholesale price for the price-controlled goods specified in column (1) of Schedules I, II and III are fixed according to the States of Peninsular Malaysia as specified in column (2)(i) of Schedule I, for the State of Sabah and the Federal Territory of Labuan as specified in column (2) of Schedule II and for the State of Sarawak as specified in column (2) of Schedule III.

**Maximum retail price**

3. The maximum retail price for the price-controlled goods specified in column (1) of Schedules I, IV and V are fixed according to the States of Peninsular Malaysia as specified in column (2)(ii) of Schedule I, for the State of Sabah and the Federal Territory of Labuan as specified in column (2) of Schedule IV and for the State of Sarawak as specified in column (2) of Schedule V.

**Revocation**

4. The Price Control and Anti-Profiteering (Determination of Maximum Price) (No. 2) Order 2012 [P.U. (A) 323/2012] published on 1 October 2012 is revoked.

## JADUAL I/SCHEDULE I

HARGA MAKSIMUM BORONG DAN RUNCIT BAGI BARANGAN HARGA TERKAWAL BAGI NEGERI-NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA/  
 MAXIMUM WHOLESALE AND RETAIL PRICE FOR THE PRICE-CONTROLLED GOODS FOR THE STATES OF PENINSULAR MALAYSIA

Bil./ No.	Barangan/Goods (1)	Unit/ Unit	Harga/Price (RM) (2)	
			Borong/Wholesale (i)	Runcit/Retail (ii)
1.	Gula pasir putih bertapis kasar <i>Coarse grain white refined sugar</i>	1 kg	2.42	2.50
2.	Gula pasir putih bertapis halus <i>Fine grain white refined sugar</i>	1 kg	2.50	2.60